



ABDUL Rashid Mohamed Shariff (dua dari kiri) bersama Mohd. Fadhil Abuhan (kiri), Ahmad Rodzi Mahmud dan Pengarah Institusi Gerontologi UPM, Prof. Dr. Tengku Aizan Tengku Hamid menunjukkan Sistem Lokasi Semasa Alzheimer di UPM Serdang, semalam.

UPM cipta sistem kesan pergerakan spatial pesakit Alzheimer

KUALA LUMPUR 8 Ogos - Institut Gerontologi, Universiti Putra Malaysia (UPM) mencipta rekod apabila berjaya menghasilkan sistem pengesan spatial pesakit Alzheimer dalam kalangan warga tua yang pertama di negara ini.

Produk yang dihasilkan oleh beberapa penyelidik UPM itu dinamakan sebagai Sistem Lokasi Semasa Alzheimer diyakini dapat membantu mengesan pesakit yang menghidap penyakit itu di peringkat awal selain meringankan beban penjaga pesakit berkenaan.

Berdasarkan kajian yang dilakukan Institusi Gerontologi UPM, kira-kira 300,000 rakyat di negara ini menghidap penyakit Demensia dan 150,000 daripadanya penghidap Alzheimer.

Ketua penyelidik Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed Shariff berkata, sistem itu berfungsi dengan menjejaki secara tanpa wayar dan memantau rapat pesakit Alzheimer dari radius 100 hingga 200 meter pada waktu semasa selain penggera bunyi akan berbunyi sekiranya pesakit ber-

ada di luar radius yang ditetapkan.

"Ia menggunakan alat penjejak dikenali sebagai *tags* yang akan dibawa oleh setiap pesakit tanpa mengganggu aktiviti harian mereka. Lokasi *tags* ini dikesan melalui frekuensi radio yang rendah iaitu 5.8GHz dengan memasang alat pengesan di sesuatu kawasan.

"Pemantauan dari jauh ke atas pesakit Alzheimer oleh penjaga boleh dilakukan melalui paparan sistem yang disediakan dan penjaga juga mendapat gambaran keseluruhan pergerakan spatial pesakit di dalam paparan peta pelan lantai pusat jagaan harian dalam bentuk dua dimensi," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Turut bersama dalam penyelidikan itu ialah Prof. Dr. Ahmad Rodzi Mahmud, Dr. Zaiton Ahmad dan Mohd. Fadhil Abuhan.

Tambah Abdul Rashid, penghasilan produk itu adalah bagi mengurangkan beban penjaga dalam memantau rapat pesakit di pusat jagaan harian Alzheimer selain meningkatkan kualiti pesakit dan penjaga dengan penggunaan teknologi terkini.